

SALAHLAGU SEKS: KAJIAN MELALUI KISAH NABI YUSUF DAN NABI LUT DALAM AL-QURAN¹

Ahmad Murshidi Mustapha²
Nik Yusri Musa³

ABSTRAK

Gejala salahlagu seks samada dalam kalangan remaja atau dewasa di era kemodenan ini makin berleluasa. Bahkan boleh dikatakan di setiap peringkat lapisan masyarakat berlakunya gejala ini. Permasalahan ini bukan sahaja berlaku di negara kita Malaysia, akan tetapi meratai keseluruhan dunia. Cuma perspektif terhadap seks ini berbeza mengikut bangsa dan negara. Penilaian agama Islam lebih terperinci apab ila melibatkan hal seumpama ini kerana penjagaan dan pengawasan kepada unsur nasab keturunan adalah perkara yang besar dan penting. Kajian ini dikemukakan bagi mengenalpasti faktor berlakunya salahlagu seks di zaman nabi Yusuf dan nabi Lut. Kajian ini juga tertumpu kepada kaedah penyelesaian yang diambil oleh kedua-dua orang nabi berkenaan bagi menangani gejala salahlagu seks pada zaman mereka. Diharap melalui kajian ini, permasalahan salahlagu seks di negara kita dapat dibendung dan dibasmi bagi kesejahteraan ummah dan negara.

1. Pengenalan

Cabaran dunia globalisasi kini menimbulkan seribu satu masalah sosial dalam segenap lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Saluran-saluran ilmu dan maklumat datang dari pelbagai aspek dan bentuk. Sumbangan sains dan teknologi juga amat besar sebagai salah satu penyumbang data-data input kepada semua masyarakat. Penggunaan dan pemahaman ilmu yang diterima bergantung kepada individu dalam mengaplikasikannya samada ke arah yang bermanfaat atau sebaliknya dan ini disandarkan kepada akhlak dan moralnya. Perubahan akhlak dan moral seseorang bergantung kepada pendidikan yang diambil dan dipelajarinya.

Menurut (Ahmad Mohd Salleh: 2008) pendidikan merupakan suatu proses yang berterusan untuk membentuk manusia ke arah kehidupan yang bermakna di dunia dan akhirat. Oleh sebab antara fungsi

¹ Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Seminar RECOVH, di UMK, pada 2-3 Dis 2012.

² Pensyarah Sementara di UITM, Kampus Machang, Kelantan.

³ Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, UMK.

pendidikan ialah penyampaian ilmu yang menyeluruh kepada manusia, maka ilmu yang diterima akan menentukan nilai dan keyakinan yang akan dianuti oleh seseorang sehingga membina keazamannya. Keazaman yang berdasarkan nilai-nilai pendidikan inilah yang akan menggerakkan seseorang untuk bertindak melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini selaku khalifah Allah di muka bumi⁴.

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, konsep pendidikan di Malaysia bermatlamat untuk memajukan aspek-aspek pembangunan bangsa dan negara meliputi kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Kemajuan dalam aspek-aspek ini bertujuan untuk mempercepatkan serta memperkukuhkan cita-cita ke arah memajukan perpaduan negara. Ia bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih selaras dengan tujuan pembangunan negara (Ahmad Mohd Salleh: 2008)⁵.

Pendidikan seks yang diperbincangkan aplikasinya di peringkat sekolah adalah salah satu penyumbang kepada kefahaman kepada para pelajar berkaitan dengan seks. Secara tidak langsung, keadaan sesebuah keluarga sebenarnya memberi gambaran awal kepada seseorang anak berkaitan dengan seks. Maka boleh dikatakan bahawa pendidikan awal seks adalah bermula di rumah. Hal ini dapat dilihat melalui ajaran agama Islam dalam konteks kekeluargaan yang menekankan penjagaan aurat, pergaulan, adab tidur dan sebagainya dalam sesebuah keluarga. Kepentingan pendidikan awal seks ini adalah momentum kepada kefahaman dan kelakuan seseorang dalam bersosial secara sihat atau sebaliknya.

Inisiatif daripada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembagunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mencadangkan kepada kabinet agar pendidikan seks diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Hal ini berikutan peningkatan gejala salah laku seks sehingga meningkatkan pembuangan bayi serta penularan penyakit AIDS. Menurut (Cheong Peck Chuan:2008)⁶ sebelum ini, maklumat tentang seks hanya dapat ditemui secara formal dari buku sains dan biologi. Sedangkan negara-negara maju seperti Singapura, Hong Kong, Britain dan Amerika Syarikat telah lama mengajar subjek pendidikan seks. Pendidikan seks memberi pengetahuan tentang perubahan biologi, psikologi, dan psikososial sebagai akibat pertumbuhan dan perkembangan manusia. Akan tetapi tidak dinafikan bahawa kesedaran ini wujud secara tidak langsung dari perbualan antara rakan sebaya atau sebarang maklumat dari berita yang disalurkan media massa seperti televisyen, radio, internet akhbar dan majalah. Retoriknya, semua pihak dalam semua aspek menyumbang sedikit sebanyak maklumat seks kepada masyarakat secara formal atau tidak.

⁴ Ahmad Mohd Salleh(2008), *Pengajian Agama Islam dan j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, cetakan pertama, Oxford Fajar Sdn. Bhd, h. 3

⁵ *Ibid*, h. 61

⁶ Cheong Peck Chuan(2008), *Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Seks di Sekolah: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, latihan ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia*, h. 2

2. Objektif Kajian

Ruang lingkup perbahasan daripada topik ini agak luas. Maka bagi memastikan kajian ini lebih terfokus, pengkaji hanya menumpukan kepada beberapa aspek sahaja sebagai objektif utama untuk dicapai. Berikut merupakan objektif kajian:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor salahlaku seks zaman nabi Yusuf dan nabi Lut
- ii. Mengkaji pendekatan yang digunakan dalam menangani gejala ini

3. Penceritaan Al-quran Berkaitan Salahlaku Seks

Mukjizat al-Quran menunjukkan kerasulan nabi Muhammad S.A.W melalui salah satu perkaranya iaitu cerita berkaitan *ghaibiyat* yakni sesuatu yang berlaku sebelum kerasulan beliau dan perkara yang akan berlaku. Kemasyhuran kisah kontroversi yang berlaku kepada nabi Yusuf bukan sahaja tersebut di zaman beliau bahkan diceritakan kembali dalam al-Quran sehingga sesetengah orientalis menggunakannya untuk meragukan seseorang muslim.

Dalam pada itu juga, isu homoseksual yang berlaku kini bukan merupakan perkara yang baru. Cuma berleluasanya hal ini mungkin lebih meruncing jika dibandingkan dengan yang sebelum zaman kemodenan ini. Al-Quran telah merakamkan kisah perbiautan terkutuk ini yangn berlaku kepada kaum nabi Lut sehinggakan ditimpa kecelakaan dan bala dari Allah. Penjagaan agama Islam terhadap nasab keturunan banyak dirakamkan dalam al-Quran. Tunjang kepada keimanan seseorang salah satunya adalah melalui penjagaan kehormatan diri. Ini dapat dilihat melalui firman Allah Taala:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُفْوَاجِهِمْ حَافِظُونَ (٥) إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ (٦)

Ertinya :

“dan orang-orang yang menjaga kemaluannya” (5)

“kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela” (6)

Salahlaku seks yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah perhubungan seks yang di luar hubungan syari'e (Al-Ser Ahmad Mohammed: 2007)⁷. Penulis hanya akan memfokuskan kajian ini kepada kedua-dua senario yang berlaku pada zaman nabi Allah Yusuf dan Lut melalui penceritaan al-Quran. Skop perbincangan ini bukan sahaja kepada situasi yang berlaku semata-mata. Akan tetapi

⁷ Dr. Al-Ser Ahmed Mohammed Suleiman (2007), *al-A 'wamil al-Waqia 'h li al-Syabab min al-inhiraf al-Jinsiyyah Istinbatan min Qissah Yusuf a 'laihi al-Salam*, Jamiah al-Kuwait, h.301

menyentuh kepada punca berlakunya gejala tersebut dan pendekatan yang diambil bagi menyelesaikan masalah yang berlaku itu.

3.1 Salahlaku Seks Zaman Nabi Yusuf

Penceritaan kisah salahlaku seks zaman nabi Yusuf yang berlaku terhadap beliau melalui nodaan Zulaikha diceritakan dalam surah Yusuf daripada ayat 22 hingga ayat 34. Istilah yang digunakan oleh pengkaji iaitu salahlaku seks bukan menggambarkan perbuatan tersebut dilakukan oleh beliau. Akan tetapi menggambarkan cubaan pelakuan seks terlarang melalui godaan Zulaikha, seorang isteri kepada pembesar Mesir ketika itu. Kerasulan nabi Yusuf dijaga oleh Allah dan kemuliaan beliau terpelihara daripada perkara yang meruntuhkan maruah seorang nabi dan rasul.

Firman Allah Taala :

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُ آتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَكَذَلِكَ نُجْزِي الْمُحْسِنِينَ (٢٢) وَرَاوَدَتْهُ الْفَاحِشَةُ الْيُونَنِيَّةُ عَنْ نَفْسِهِ وَغَلَقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ (٢٣) وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا أَنْ رَأَى بُرْهَانَ رَبِّهِ كَذَلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ (٢٤) وَاسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ وَالْأُخْرَى سَيِّدَهَا لَدَى الْبَابِ قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (٢٥) قَالَ هِيَ رَاوَدْتَنِي عَنْ نَفْسِي وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ الْكَاذِبِينَ (٢٦) وَإِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ الصَّادِقِينَ (٢٧) فَلَمَّا رَأَى قَمِيصَهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُ مِنْ كَيْدِكُنَّ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ (٢٨) يُوسُفُ أَعْرَضَ عَنْ هَذَا وَاسْتَغْفَرَ لِذَنْبِكِ إِنَّكَ كُنتِ مِنَ الْخَاطِئِينَ (٢٩) وَقَالَ نِسَوْنَهُ فِي الْمَدِينَةِ امْرَأَةُ الْعَزِيزِ تِرَاوُدُ فَتَّاهَا عَنْ نَفْسِهِ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا إِنَّا لَنَرَاهَا فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ (٣٠) فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَّكَأً وَآتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتْ أَخْرِجْ عَلَيَّيْنِ فَلَمَّا رَأَيْنَهُ أَكْبَرْنَهُ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ (٣١) قَالَتْ فَذَلِكُنَّ الَّذِي لُمْتُنَّنِي فِيهِ وَلَقَدْ رَاوَدْتُهُ عَنْ نَفْسِهِ فَاسْتَعْصَمَ وَلَئِنْ لَمْ يَفْعَلْ مَا أَمَرُهُ لَيُصْجَنَنَّ وَلَيَكُونَا مِنَ الصَّاغِرِينَ (٣٢) قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُنْ مِنَ الْجَاهِلِينَ (٣٣) فَاسْتَجَابَ لَهُ رَبُّهُ فَصَرَفَ عَنْهُ كَيْدَهُنَّ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (٣٤)

Ertinya :

“Dan setelah dia (Yusuf) dewasa, Kami (Allah) anugerahkan kepadanya hikmah dan ilmu. Dan demikianlah Kami (Allah) memberi balasan kepada orang muhsinin (yang berbuat baik)” 22

“Dan wanita yang dia (Yusuf) tinggal di rumahnya itu merayu kepadanya (Yusuf) dengan keinginan, ditutupnya semua pintu dan dia (wanita itu) berkata (kepada Yusuf): ‘Mari sini kamu.’ Dia (Yusuf) menjawab: ‘Aku berlindung kepada Allah, sesungguhnya tuan aku telah melayan aku dengan baik. Sesungguhnya orang yang zalim tidak akan berbahagia’.” 23

“Dan sesungguhnya wanita itu sangat menginginkannya (Yusuf), dan dia (Yusuf) sudah (tergoda) menginginkannya (wanita itu), kalaulah dia (Yusuf) tidak melihat tanda-tanda Rab (Tuhan)nya.

Demikianlah, kerana Kami (Allah) hendak selamatkan dia (Yusuf) daripada kejahatan dan kekotoran. Sesungguhnya dia (Yusuf) termasuk hamba-hamba Kami (Allah) yang mukhlisin (ikhlas).” 24

“Dan kedua-duanya berkejaran ke arah pintu, lalu dikoyakkan kemejanya (Yusuf) daripada belakang oleh wanita itu, dan (tiba-tiba) kedua-duanya bertembung dengan tuannya (suami wanita itu) di muka pintu. Wanita itu berkata: ‘Apakah balasan yang patut terhadap orang yang bermaksud jahat terhadap isterimu selain dipenjarakan atau diseksa dengan pedih?’.” 25

Dia (Yusuf) berkata: ‘Dia yang menggodaku, inginkan daku’. Dan seorang saksi daripada keluarga wanita itu memberikan kesaksiannya: ‘Jika kemejanya koyak di bahagian hadapan, maka wanita itulah yang benar dan dia (Yusuf) yang berdusta’. 26

“Tetapi jika kemejanya koyak di bahagian belakang, maka wanita itulah yang berdusta dan dia (Yusuf) yang benar.” 27

“Maka setelah dia (suami wanita itu) melihat kemeja (Yusuf) itu koyak di bahagian belakang, dia berkata: ‘Sesungguhnya ini adalah tipu daya kamu (isterinya). Sesungguhnya tipu daya kamu adalah besar’.” 28

“Yusuf, berpalinglah daripada (kejadian) ini (lupakan sahaja), dan kamu (isterinya) mohonlah ampun atas dosa kamu, sesungguhnya kamu bersalah.”. 29

“Dan wanita-wanita di kota berkata: ‘Isteri pembesar negeri menggoda anak muda yang dipeliharanya, inginkan dirinya. Dia telah mabuk kerana cinta. Sesungguhnya kita melihatnya dalam kesesatan yang nyata’.” 30

“Maka apabila dia (wanita itu) mendengar celaan mereka itu, diundangnya wanita-wanita itu dan disediakan untuk mereka tempat duduk, dan diberikannya kepada mereka masing-masing sebilah pisau, lalu dia (wanita itu) berkata (kepada Yusuf): ‘Keluarlah engkau kepada mereka.’ Apabila mereka (wanita-wanita itu) melihatnya (Yusuf), mereka terpesona dengan (keindahan rupa)nya, dan mereka (tanpa disedari) memotong tangan mereka, dan mereka berkata: ‘Maha Sempurna Allah. Ini bukan manusia. Ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia’.” 31

“Dia (wanita itu) berkata: ‘Inilah dia (orangnya) yang kerananya kamu mencela aku. Aku telah merayu kepadanya, inginkan dirinya namun, hatinya tetap teguh. Dan sekiranya dia ingkar kepada perintahku nescaya dia akan dipenjarakan dan dia termasuk orang yang hina’.” 32

“Dia (Yusuf) berkata: ‘Rabbi (wahai Tuhanku)! Penjara lebih aku sukai daripada apa yang mereka ajak aku kepada (melakukan)nya. Dan jika tidaklah Engkau (Allah) palingkan daripadaku tipu daya mereka, nescaya rebahlah aku kepada mereka dan jadilah aku termasuk orang yang jahl’l’.” 33

“Maka Rab (Tuhan)nya memperkenankannya (doa Yusuf itu), lalu dipalingkan tipu daya mereka (perempuan-perempuan itu) daripadanya (Yusuf). Sesungguhnya Dia (Allah) adalah al-Sami’ (Maha Mendengar), lagi al-‘Alim (Maha Mengetahui).” 34

Perlu difahami bahawa salahlaku seks ini tidak melibatkan perbuatan zina antara nabi Yusuf dengan Zulaikha. Cuma percubaan ke arah perbuatan zina yang dirancang oleh Zulaikha terhadap nabi Yusuf. Senario yang berlaku ini menunjukkan godaaan nafsu syahwat ke arah sesuatu yang ditegah syarak dan kerana inilah dikategorikan sebagai salahlaku seks.

3.2 Salahlaku Seks Zaman Nabi Lut

Kisah yang berlaku di kalangan umat nabi Lut juga dimaklumi melalui banyak penceritaan dalam al-Quran. Tidak sebagaimana cerita salahlaku seks pada zaman nabi Yusuf yang terkumpul dalam satu surah, kisah salahlaku seks zaman nabi Lut berada dalam surah yang pelbagai. Menurut Wahbah (1998) disebut kisah Lut pada surah-surah yang berbeza sedikit, setengahnya menyempurnakan setengah yang lain.

Menceritakan perbuatan keji yang dilakukan oleh kaumnya, Allah merakamkan dalam al-Quran petikan kata-kata nabiNya Lut dalam surah al-A’raf, dengan firmanNya:

وَلَوْ طَا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ (٨٠) إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ (٨١) وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَخْرِجُوهُمْ مِنْ قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أَنَاسٌ يَّتَطَهَّرُونَ (٨٢) فَأَنجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَتَهُ كَانَتْ مِنَ الْغَابِرِينَ (٨٣) وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَأَنْظَرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ (٨٤)

Ertinya :

Dan (Kami juga telah mengutus) Luth (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala dia berkata kepada kaumnya: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan faahisyah itu 551 yang belum pernah dikerjakan oleh seorangpun (di dunia ini) sebelummu?” (80)

Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsumu (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. (81)

Jawab kaumnya tidak lain hanya mengatakan: “Usirlah mereka (Luth dan pengikut-pengikutnya) dari kota ini; sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berpura-pura mensucikan diri”. (82)

Kemudian Kami selamatkan dia dan pengikut-pengikutnya kecuali isterinya; dia termasuk orang-orang yang tertinggal (dibinasakan). (83)

Dan Kami turunkan kepada mereka hujan (batu); maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang berdosa itu. (84)

Menurut Muhammad Mutawali (2006) makna demikian bahawanya adalah perkara yang telah dimaklumi. Akan tetapi sesetengah manusia kadang-kadang menuntut penjelasan, dan demikian itu dijelaskan lagi pada ayat yang kedua firmanNya yang bermaksud: “*Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsumu (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas*”. Daripada kedua-dua ayat tersebut menggambarkan kedudukan perbuatan kaum nabi Lut yang menyalahi fitrah kejadian manusia yang dijadukan berpasangan. Mereka mendatangi kaum sejenis daripada kalangan lelaki dengan lelaki untuk kepuasan nafsu syahwat mereka. Dalam istilah yang kebiasaannya digunapakai sekarang ialah gay.

Penyataan ayat berkenaan juga mempunyai penafsiran yang lain selain daripada zahir ayat tersebut yang menggambarkan unsur homoseksual kaum nabi Lut. Penafsiran lain yang boleh difahami ialah kaum tersebut mendatangi isteri-isteri mereka melalui jalan yang dilarang syarak, sebagaimana perbuatan lelaki mendatangi seorang lelaki (Muhammad Mutawali : 2006).

Selain melakukan perbuatan terkutuk yang menyalahi fitrah kemanusiaan, kaum nabi Lut juga digambarkan dalam ayat yang lain dengan beberapa lagi perbuatan yang keji. Firman Allah Taala dalam surah al-Ankabut, ayat 29:

أَنتُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ وَتَقْطَعُونَ السَّبِيلَ وَتَأْتُونَ فِي نَادِيَكُمُ الْمُنْكَرَ فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا ائْتِنَا بِعَذَابِ اللَّهِ إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ
(٢٩)

Ertinya :

Apakah kamu patut mendatangi laki-laki, menyamun 1150 dan mengerjakan kemungkaran di tempat-tempat pertemuanmu? Maka jawaban kaumnya tidak lain hanya mengatakan: “Datangkanlah kepada kami azab Allah, jika kamu termasuk orang-orang yang benar”. (29)

Antara persoalan yang timbul berkaitan salahlaku seks pada zaman nabi Lut ialah, adakah yang wujud ketika itu perbuatan homoseksual gay sahaja atau telah timbul perbuatan lesbian, iaitu seks antara

wanita dengan wanita? Kajian penulis terhadap beberapa penafsiran ulama, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua pendapat bagi permasalahan ini:

Pendapat pertama: Hanya homoseksual gay sahaja yang berlaku pada zaman tersebut.

Ini berdasarkan beberapa kitab tafsir yang hanya menafsirkan ayat-ayat berkenaan merujuk kepada perbuatan mendatangi lelaki dengan lelaki sahaja, seperti tafsir Jalalain, tafsir al-Qurtubi, tafsir Fi Zilali al-Quran, Ibn Kathir dan tafsir al-Munir.

Pendapat kedua: Perbuatan gay dan lesbian sudah berlaku pada zaman tersebut.

Merujuk kepada pendapat daripada Ibn Abbas yang mengatakan, kaum nabi Lut adalah kaum pertama melakukan perbuatan gay dan lesbian (Wahbah:1998).

Kedua-dua perbuatan ini iaitu homoseksual gay dan lesbian adalah perkara yang berbeza dari sudut pelaksanaan hukuman. Apatah lagi perbuatannya juga adalah berbeza kerana liwat adalah mendatangi lelaki dengan lelaki, manakala lesbian ialah mendatangi perempuan dengan perempuan. Penulis lebih cenderung dengan pendapat pertama kerana kesepakatan ramai daripada para ulama dan beberapa dalil perbezaan hukuman yang dibahas oleh ulama.

4. Faktor Salahlaku Seks

Setelah melihat kedua-dua masalah yang timbul di zaman nabi Yusuf dan nabi Lut, penulis cuba mengkaji beberapa faktor penyumbang atau pencetus kepada salahlaku seks. Daripada kedua-dua kisah tersebut dapat dirumuskan bahawa antara faktor berlakunya salahlaku seks ialah:

1. Tarikan pada perwatakan yang elok

Nabi Yusuf bukanlah menggoda Zulaikha dengan perwatakan beliau yang tampan dan elok, akan tetapi perwatakan tersebut menarik minat Zulaikha terhadap nabi Yusuf. Keadaan beliau yang turut memukau para wanita lain juga digambarkan dalam ayat 31 surah Yusuf, dengan firmanNya:

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَكًا وَآتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ اخْرُجْ عَلَيْهِنَّ فَلَمَّا رَأَيْنَهُ أَكْبَرْنَهُ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ

Ertinya:

Maka apabila dia (wanita itu) mendengar celaan mereka itu, diundangnnya wanita-wanita itu dan disediakannya untuk mereka tempat duduk, dan diberikannya kepada mereka masing-masing sebilah pisau, lalu dia (wanita itu) berkata (kepada Yusuf): “Keluirlah engkau kepada mereka.” Apabila mereka (wanita-wanita itu) melihatnya (Yusuf), mereka terpesona dengan (keindahan rupa)nya, dan mereka (tanpa disedari) memotong tangan mereka, dan mereka berkata: “Maha Sempurna Allah. Ini bukan manusia. Ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia.”

Tambahan pula di gambarkan beliau ketika itu sebagai seorang pemuda pada firmanNya:

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُ آتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ

Ertinya:

Dan setelah dia (Yusuf) dewasa, Kami (Allah) anugerahkan kepadanya hikmah dan ilmu. Dan demikianlah Kami (Allah) memberi balasan kepada orang muhsinin (yang berbuat baik).

Ini jelas menunjukkan ketika itu perwatakan zahir beliau sudah cukup memukau para wanita.

2. Pujuk rayu

Kedudukan nabi Yusuf ketika adalah seorang khadam atau pembantu di rumah seorang pembesar Mesir. Manakala isterinya, Zulaikha sentiasa melihat nabi Yusuf yang mundar mandir melakukan pekerjaan di rumah tersebut. Faktor keberadaan nabi Yusuf di rumah tersebut yang menjadikan beliau sentiasa dipandang oleh isteri majikan beliau, menjadikan dorongan ke arah salahlaku seks Zulaikha terhadap nabi Yusuf sehingga Zulaikha menggoda dan memujuk rayu nabi Yusuf. Hal ini digambarkan dalam ayat ke 23, dengan firmanNya:

وَرَاوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ وَغَلَّقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ

Ertinya :

Dan wanita yang dia (Yusuf) tinggal di rumahnya itu merayu kepadanya (Yusuf) dengan keinginan, ditutupnya semua pintu dan dia (wanita itu) berkata (kepada Yusuf): “Mari sini kamu.” Dia (Yusuf) menjawab: “Aku berlindung kepada Allah, sesungguhnya tuan aku telah melayan aku dengan baik. Sesungguhnya orang yang zalim tidak akan berbahagia.”

3. Wujud peluang

Jika dikaji pada ayat *وَعَلَقَتِ الْآبُوبَابَ* , yang bermaksud: “ditutupnya semua pintu”, dapat dirumuskan secara zahirnya wujud peluang ke atas nabi Yusuf. Sekiranya suami Zulaikha bersamanya nescaya perbuatan tersebut tidak akan dilakukan. Lebih-lebih lagi ayat yang berikutnya menceritakan bahawa kebetulan suaminya masuk ke bilik tersebut:

وَاسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَى الْبَابِ قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Ertinya :

Dan kedua-duanya berkejaran ke arah pintu, lalu dikoyakkan kemejanya (Yusuf) daripada belakang oleh wanita itu, dan (tiba-tiba) kedua-duanya bertembung dengan tuannya (suami wanita itu) di muka pintu. Wanita itu berkata: “Apakah balasan yang patut terhadap orang yang bermaksud jahat terhadap isterimu selain dipenjarakan atau diseksa dengan pedih?”.

4. Faktor kejahilan

Ayat ke 55, surah al-Naml, firman Allah Taala:

أَنتُمْ لَأَتَاتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ (٥٥)

Ertinya:

Mengapa kamu mendatangi laki-laki untuk (memenuhi) nafsu(mu), bukan (mendatangi) wanita? Sebenarnya kamu adalah kaum yang tidak mengetahui (akibat perbuatanmu)”. (55)

Makna daripada ayat berkenaan menunjukkan bahawa kejahilan kaum nabi Lut dengan perbuatan mereka mendatangi kaum sejenis.

Terdapat komentar lain pada menghuraikan maksud kejahilan tersebut. Sekiranya dilihat kepada ayat yang sebelumnya, kaum tersebut digambarkan dengan mengetahui, melalui firmanNya, *وَأَنْتُمْ تَبْصُرُونَ* , iaitu sedangkan kamu semua melihat. Pada zahir perkara berikut menunjukkan berlawanan, kerana apabila melihat maka mereka mengetahui dan tidak jahil. Maka jahil yang disebut dalam ayat 55 itu bukannya dengan makna jahil tetapi seerti dengan bodoh, kerana perkataan jahil merupakan lafaz yang mutlak (Ahmad Mutawalli: 2006)

5. Godaan nafsu sonsang

Kaum nabi Lut sudah tidak tertarik dengan isteri-isteri mereka, lantaran itu mereka melakukan perbuatan yang terkutuk dan sonsang tersebut. Ini dapat dilihat pada ayat 166, surah al-Syua'ra, dengan firmanNya:

وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ (١٦٦)

Ertinya :

“Dan kamu tinggalkan isteri-isteri yang dijadikan oleh Rab (Tuhan) kamu untuk kamu, bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas.”

Dalam surah Hud, ayat ke 78, mereka sudah tidak berkeinginan terhadap isteri sendiri, dengan kata mereka :

Mereka menjawab: “Sesungguhnya kamu telah tahu bahwa kami tidak mempunyai keinginan terhadap puteri-puterimu; dan sesungguhnya kamu tentu mengetahui apa yang sebenarnya kami kehendaki”. (79)

5. Pendekatan Dalam Penyelesaian Gejala Salahlaku Seks

Metode dakwah telah ditunjukkan oleh Rasulullah dalam segenap hal. Saranan daripada al-Quran supaya menyeru ke arah kebaikan dengan cara yang berhikmah dan bijaksana. Tunjang asas kepada metode dakwah adalah pada firman Allah Taala:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Ertinya :

“ Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik ”.

Hikmah tidak sekadar ditafsirkan dengan lemah-lembut, akan tetapi lebih meluas berdasarkan situasi dan keadaan mereka yang didakwah. Hikmah yang ditunjukkan oleh kedua-dua nabi Yusuf dan nabi Lut dapat diambil sebagai antara metode yang boleh digunapakai dalam dakwah masa kini. Kaedah-kaedah teguran atau dakwah yang digunakan dalam al-Quran adalah pelbagai dan antaranya ialah *al-Nazhar*, *al-Tafakkur*, *al-Tazakkur*, *al-Ilm*, *al-Aql* dan sebagainya (Abu Bakar Ali:2004)⁸. Antara pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua mereka ialah:

5.1 Pendekatan Nabi Yusuf

⁸ Dr. Abu Bakar Ali al-Siddiq (2004), *Manhaj al-Quran fi Tahzib Ghazair al-Insan Ghaziratu Hubbi al-Istithla'*, Mausua'h Kuwaitiyah, h.38

1. *Al-Istia'zah*

Ketika mana nabi Yusuf dirayu oleh Zulaikha, beliau melafazkan dengan kalimah “مَعَاذَ اللَّهِ” yang bererti “*Aku berlindung kepada Allah*”.

Respon awal yang diberikan bukan dalam bentuk kekerasan atau marah, tetapi langsung mengingatkan Allah, sebagai pelindung diri beliau daripada terus digoda syaitan ke arah perbuatan tersebut. Dalam konteks ini, nabi Yusuf memulakan faktor keimanan diri sendiri sebagai benteng cegahan dan kawalan daripada godaan Zulaikha. Situasi seumpama ini juga dapat kita ambil daripada satu hadis Rasulullah S.A.W, yang menggambarkan benteng awal daripada maksiat zina terutamanya bermula dengan diri sendiri, yang menatijahkan kejayaan di akhirat kelak. Sabda Rasulullah S.A.W berkaitan dengan golongan yang dinaungi Allah kelak, antaranya ialah lelaki yang takutkan Allah apabila digoda oleh wanita :

ورجل دعتة امرأة ذات منصب وجمال فقال إني أخاف الله

Ertinya :

“...dan lelaki yang diajak oleh seorang wanita yang mempunyai rupa paras untuk berzina, maka dikatakan padanya ‘*Aku takutkan Allah*’ ”.

2. *Al-Tazakkur*

Setelah membentengi dirinya dengan perlindungan dan ingat kepada Allah, beliau menyedarkan Zulaikha dengan kebaikan yang diberikan oleh suaminya kepada beliau dari sudut layanannya. Secara psikologinya, nabi Yusuf cuba menimbulkan rasa bersalah daripada kedua-dua pihak iaitu diri beliau dan Zulaikha sekiranya terjadinya perbuatan tersebut maka seumpama tidak menghargai dan menghormati tuannya sendiri. Setelah dilayani dan dijaga, tetapi tidak membalas kebaikan tersebut tetapi mengambil kesempatan yang tidak sewajarnya. Petikan kata-katanya yang dirakamkan dalam al-Quran:

إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَوْلَايَ

Ertinya :

“...sesungguhnya tuan aku telah melayan aku dengan baik...”

3. Keikhlasan

Penjagaan Allah terhadap nabiNya hasil daripada ketaatannya dengan penuh keikhlasan kepada Allah. Firman Allah Taala:

إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ

Ertinya :

“Sesungguhnya dia (Yusuf) termasuk hamba-hamba Kami (Allah) yang mukhlisin (ikhlas)”.

Dalam konteks ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa, selagi mana ketaatan seseorang kepada Allah dijaga, jaminan daripadaNya juga akan menjaga hambaNya. Faktor keimanan ini adaalh salah satu tunjang yang utama dalam membentengi diri daripada kemaksiatan.

4. *Al-Uzlah* - Mengasingkan diri(penjara)

Peristiwa yang berlaku antara nabi Yusuf dan Zulaikha akhirnya diketahui kebenarannya melalui bukti logikal yang menyebelahi nabi Yusuf. Sebagai menolak tohmahan dan fitnah daripada terus merebak, beliau memilih dipenjarakan sekaligus memisahkannya daripada bala fitnah di luar sana. Firman Allah Taala:

قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ

Ertinya :

“Dia (Yusuf) berkata: “Rabbi (wahai Tuhanku)! Penjara lebih aku sukai daripada apa yang mereka ajak aku kepada (melakukan)nya.”

5.2 Pendekatan Nabi Lut

Tugas seorang rasul adalah menyampaikan dan memperelokkan akhlak umatnya. Mereka tidak boleh berdiam diri dengan kemaksiatan yang berlaku dalam kaum mereka dan ini dipertanggungjawabkan kepada mereka dan sekalian pengikut para rasul. Sebagaimana ujian yang diberikan kepada nabi Lut, melalui salahlaku seks di kalangan kaumnya, pendekatan yang pelbagai digunakan bagi menyelesaikan dan membasmi gejala tersebut sekalipun impaknya mungkin kecil. Berikut antara pendekatan yang digunakan oleh nabi Lut:

1. *Al-Tazakkur*

Memberi peringatan adalah salah satu tugas rasul kepada umatnya. Setiap kesalahan dan kekhilafan yang berlaku perlu ditegur dengan cara yang hikmah. Nabi Lut apabila melihat kekejian perbuatan

yang dilakukan oleh umatnya, maka di berikan peringatan yang sesuai untuk menyedarkan kembali dengan apa yang mereka kerjakan itu. Antara perkara yang diingatkan kepada kaumnya adalah:

i. Mengingatkan mereka dengan isteri yang halal disetubuhi

Dalam surah Hud ayat ke 78 :

Luth berkata: “Hai kaumku, inilah puteri-puteriku, mereka lebih suci bagimu”.

ii. Mengingatkan mereka supaya bertakwa

Pesan nabi Lut kepada kaumnya, dalam surah Hud, ayat ke 78 :

“maka bertaqwalah kepada Allah”.

2. Berdoa

Kebergantungan nabi Lut kepada Allah dizahirkan dengan salah satunya adalah doa beliau kepada Allah. Firman Allah dalam surah al-Ankabut, ayat ke 30 :

قَالَ رَبِّ انصُرْنِي عَلَى الْقَوْمِ الْمُفْسِدِينَ (٣٠)

Ertinya :

Lut berdo'a: “Ya Rabbku, tolonglah aku (dengan menimpakan azab) atas kaum yang berbuat kerusakan itu”. (30)

Menurut Wahbah (1998), daripada yang dimaklumi bahawa apa yang diminta oleh seorang nabi dari sekalian para nabi adalah kebinasaan kaumnya melainkan apabila dia mengetahui bahawasanya ketiadaan mereka lebih baik daripada kewujudan mereka, sebagaimana berkata nabi Nuh : Nuh berkata: *“Ya Rabbku, janganlah Engkau biarkan seorangpun di antara orang-orang kafir itu tinggal di atas bumi. (26) Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal, niscaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu, dan mereka tidak akan melahirkan selain anak yang berbuat ma'siat lagi sangat kafir. (27).*

3. Menggunakan istifham inkari

Antara hikmah dakwah yang digunakan oleh pada rasul ialah uslub pertanyaan. *Istifham inkari* merupakan pertanyaan yang bersifat mengingkari dan jawapan daripada pertanyaan itu ialah ‘tidak’. Pertanyaan yang ditanya oleh nabi Lut kepada kaumnya ialah: أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ

Ertinya :

“Mengapa kamu mengerjakan perbuatan keji itu yang belum pernah dikerjakan oleh seorang pun sebelummu?”

Jawapan daripada pertanyaan tersebut semestinya ‘tidak’ kerana akal yang sihat menafikan perbuatan terkutuk yang mereka lakukan itu (Muhammad Mutawali: 2006).

6. Kesimpulan

Berleluasanya gejala salahlaku seumpama ini di kalangan masyarakat dunia memerlukan metode penyelesaian yang berhikmah dan berkesan. Lebih-lebih lagi di Malaysia yang rumpun Melayu Islam lebih majoriti daripada kaum lain. Pendekatan agama perlu dalam setiap aspek penyelesaian masalah samada rohani atau jasmani. Keberkesanan metode yang digunakan adalah bergantung kepada keadaan dan situasi yang di alami. Oleh sebab itu, perlunya ilmu sebagai keperluan utama dan iman sebagai asas kepada pengawalan diri dari terjebak dalam sebarang kancah salahlaku seks dan sebagainya.

Kaedah yang digunakan oleh para nabi adalah antara ikutan yang perlu diteladani, selain menambai cara yang digunakan mereka. Tindakan yang bersesuaian dengan zaman seperti tindakan undang-undang juga mampu memberi kesan dalam mengawal dan seterusnya membasmi gejala yang merosakkan bangsa ini.

1. Rujukan

1. Al-Quran al-Karim
2. Syaamil al-Quran Miracle the reference, PT Sygma examedia arkanleema, Bandung, Jawa Barat, Indonesia
3. Al-Zuhaily, Wahbah (1998), *al-Tafsir al-Munir fi al-A'qidah wa al-Syaria'h wa al-Manhaj*, Beirut: Dar al-Fikr
4. Sya'rawi, Muhammad Mutawali (2006), *Qisasu al- anbiya'*, Kaherah: Dar al-Quds
5. Al-Ansari, Muhammad bin Ahmad (t.t), *al-Jami' li al-Ahkam al-Quran al-Karim Tafsir al-Qurtubi*, Mansurah: Maktbah al-Iman
6. Ahmad Mohd Salleh(2008), *Pengajian Agama Islam dan j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, cetakan pertama, Oxford Fajar Sdn. Bhd
7. Cheong Peck Chuan(2008), *Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Seks di Sekolah: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai*, latihan ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia
8. Dr. Al-Ser Ahmed Mohammed Suleiman (2007), *al-A'wamil al-Waqia'h li al-Syabab min al-inhiraf al-Jinsiyyah Istinbatan min Qissah Yusuf a'laihi al-Salam*, Majallah al-Syariah wa al-Dirasah al-Islamiah, Jamiah al-Kuwait
9. Dr. Abu Bakar Ali al-Siddiq (2004), *Manhaj al-Quran fi Tahzib Ghazair al-Insan Ghaziratu Hubbi al-Istithla'*, Majallah al-Syariah wa al-Dirasah al-Islamiah, Jamiah al-Kuwait
10. Jallain. Ibn kathir
11. Muhammad bin Ahmad al-Mahalli & Abdul Rahman bin Abi Bakar al-Suyuti (t.t), *Tafsir al-Quran al-A'zim al-Jalalain*, Thailand: Matba'ah bin Halabi
12. Ismail bin Kathir al-Qurasyi (t.t), *Tafsir al-Quran al-A'zim Ibn Kathir*, Kaherah: Dar Misr li al-Thaba'ah